# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Pertaruhan (Pindaan) 1989**

**DR.15/1989**

**D.R. 15/89**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertaruhan (Pindaan) 1989. **Tajuk ringkas.**

**2.** Seksyen 2 Ordinan Pertaruhan 1953, yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, adalah dipinda— **Pindaan seksyen 2.** *47/53.*

(*a*) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "access" dalam subseksyen (1) takrif baru yang berikut:

' "betting information centre" means any place kept or used for receiving or transmitting by telephone or other means any information relating to any horse race or other sporting event for the purpose of betting or wagering in contravention of this Ordinance;';

(*b*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "race, fight, game, sport, lottery or exercise" dalam perenggan (i) bagi takrif "common betting house" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "sporting event or lottery";

(*c*) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "common betting house" dalam subseksyen (1) takrif baru yang berikut:

' "equipment" includes any appliances, apparatus or accessory used or intended to be used for any communication between person to person, thing and thing or person and thing by means of telecommunications or any transmission of postal articles by means of post;'; dan

(*d*) dengan menggantikan noktah di hujung takrif "Senior Police Officer" dengan koma bertitik dan memasukkan selepas sahaja takrif tersebut takrif-takrif baru yang berikut:

' "sporting event" includes any race, fight, game, sport or exercise;

*Act 20.* "telecommunication" has the same meaning as in the Telecommunications Act 1950;

"telecommunication system" means any system used or intended to be used for telecommunications.'.

**Pindaan seksyen 4.** **3.** Seksyen 4 Ordinan adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "common betting-houses" dalam nota birai perkataan-perkataan "and betting information centres";

(*b*) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "common betting-house" di mana-mana jua terdapat di dalamnya perkataan-perkataan "or betting information centre";

(*c*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "liable to imprisonment for two years or to a fine of twenty thousand dollars or to both such imprisonment and such fine" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than twenty thousand ringgit and not more than two hundred thousand ringgit and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding five years"; dan

(*d*) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "common betting-house" dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "or betting information centre".

**4.** Seksyen 5 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "liable to imprisonment for twelve months or to a fine of ten thousand dollars or to both such imprisonment and such fine" dengan perkataan-perkataan "guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than ten thousand ringgit and not more than one hundred thousand ringgit and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding five years". **Pindaan seksyen 5.**

**5.** Seksyen 6 Ordinan adalah dipinda— **Pindaan seksyen 6.**

(*a*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "liable to a fine of two hundred and fifty dollars" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both"; dan

(*b*) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen baru (3) yang berikut:

"(3) Any person who—

(*a*) acts as a bookmaker in any place;

(*b*) for the purpose of bookmaking or betting or wagering or settling bets frequents or loiters in any common betting house or in any place to which the public has or may have access; or

(*c*) assists, by giving warning or otherwise, any person committing an offence under this Ordinance to evade arrest or detection,

shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than twenty thousand ringgit and not more than two hundred thousand ringgit and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding five years.".

Pindaan seksyen 6A.

**6.** Seksyen 6A Ordinan adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "who" dan perkataan "race" dalam subseksyen (1) masing-masingnya perkataan-perkataan "for the purpose of betting or wagering in contravention of this Ordinance" dan perkataan-perkataan "or other sporting event"; dan

(*b*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "liable to a fine not exceeding two thousand dollars" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine of not less than five thousand ringgit and not more than fifty thousand ringgit and shall also be punished with imprisonment for a term not exceeding two years".

Pindaan seksyen 9.

**7.** Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 9 dengan seksyen 9 baru yang berikut:

"Presumptions against house and occupier.

9. Where in any proceedings under this Ordinance it is proved that—

(*a*) any books, documents, telegrams, writings, circulars, cards or other articles used as a subject or means of betting or wagering, or in connection therewith, are found in any place entered under this Ordinance, or upon any person found therein; or

(*b*) a police officer or any person having authority under this Ordinance to enter or to go to such place is unlawfully prevented from or obstructed or delayed in entering or approaching the same or any part thereof; or

(*c*) any person is seen or heard to escape therefrom on the approach or entry of a Magistrate or Justice of the Peace or Senior Police Officer; or

(*d*) any person found in a place entered under this Ordinance was erasing, tampering with or destroying any

writing, sign, mark or symbol relating to bets or wagers on any horse race or other sporting event or lottery; or

(*e*) two or more telephone calls were received at any place entered under this Ordinance and the calls relate to the receiving or negotiating of bets or wagers or to any results, commentary or dividends payable on any horse race or other sporting event or lottery,

it shall be presumed, until the contrary is proved, that the place is a common betting house and that it is so kept, used or permitted to be used by the owner or occupier thereof, and that any other person found in such place in possession of any such articles referred to in paragraph (*a*) is assisting in the management of the common betting house.".

**8.** Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 9, seksyen baru 9A yang berikut: Seksyen baru 9A.

"Presumptions against betting information centre and occupier.

9A. (1) Where in any proceedings under this Ordinance it is proved that any place entered under this Ordinance was provided with three or more telephones or telephone lines and—

(*a*) was installed with any telecommunication system or equipment which was arranged in such a manner as to suggest that it is or was being used for the receiving or transmitting of any information relating to horse race or other sporting event notwithstanding that such telecommunication system or equipment has been disconnected or tampered with; or

(*b*) any person found in a place so entered was erasing, tampering with or destroying any writing, sign, mark or symbol relating to the results or dividends payable on any horse race or other sporting event; or

(*c*) two or more telephone calls were received at any such place enquiring about the results, commentary or dividends payable on any horse race or other sporting event,

it shall be presumed, until the contrary is proved, that the place is a betting information centre and that it is so kept, used or permitted to be used by the owner or occupier thereof, and that any other person found in such place is assisting in the business of the betting information centre.".

Pindaan seksyen 10.

**9.** Seksyen 10 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "liable on conviction" dan perkataan "dollars" dalam subseksyen (3) masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "shall, on conviction, be liable" dan perkataan "ringgit".

Pindaan seksyen 14.

**10.** Seksyen 14 Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "and" dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "shall, on conviction, be".

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Pertaruhan 1953.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Ordinan dengan mengajukan takrif-takrif "betting information centre", "equipment", "sporting event", "telecommunication" dan "telecommunication system" yang berbangkit daripada pemasukan seksyen baru 9A ke dalam Ordinan.

3. *Fasal 3* (*b*) bertujuan meminda seksyen 4 Ordinan supaya kesalahan-kesalahan di bawah seksyen itu meliputi juga pusat maklumat pertaruhan. *Fasal 3* (*c*) bertujuan meminda seksyen 4 Ordinan untuk meningkatkan penalti maksimum bagi berbagai-bagai kesalahan yang berhubungan dengan rumah pertaruhan terbuka di bawah seksyen itu daripada penjara selama dua tahun atau denda dua puluh ribu ringgit kepada denda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

4. *Fasal 4* dan *6* bertujuan meminda seksyen 5 dan 6A Ordinan masing-masingnya untuk meningkatkan penalti maksimum bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen tersebut. Penalti maksimum bagi kesalahan mendahulukan wang untuk menubuhkan rumah pertaruhan terbuka di bawah seksyen 5 dinaikkan dari penjara selama dua belas bulan atau denda sepuluh ribu ringgit kepada denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi lima tahun. Penalti maksimum bagi kesalahan menyiarkan atau mengumumkan keputusan lumba kuda di bawah seksyen 6A dinaikkan daripada denda tidak melebihi dua ribu ringgit kepada denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

5. *Fasal 5* (*a*) bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 6 Ordinan untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan membuat pertaruhan di rumah pertaruhan terbuka di bawah subseksyen itu daripada denda dua ratus lima puluh ringgit kepada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. *Fasal 5* (*b*) bertujuan menggantikan subseksyen (3) yang ada sekarang dalam seksyen 6 Ordinan dengan suatu peruntukan baru yang menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang bertindak sebagai seorang penerima pertaruhan atau merayau-rayau di mana-mana tempat bagi maksud menerima pertaruhan atau membantu, dengan memberi amaran, mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Ordinan itu untuk mengelakkan dari ditangkap atau dikesan.

6. *Fasal 7* bertujuan menggantikan seksyen 9 Ordinan dengan satu seksyen baru bagi mengadakan dua hal keadaan tambahan dalam mana sesuatu tempat hendaklah disifatkan sebagai rumah pertaruhan terbuka.

7. *Fasal 8* bertujuan memasukkan satu seksyen baru 9A ke dalam Ordinan. Seksyen baru 9A yang dicadangkan memperuntukkan bahawa jika dibuktikan bahawa sesuatu tempat yang dimasuki di bawah Ordinan memenuhi kehendak-kehendak seksyen itu, tempat itu dianggapkan sebagai suatu pusat maklumat pertaruhan dan ia disenggarakan, digunakan sedemikian atau dibenarkan digunakan sebagai sedemikian dan bahawa mana-mana orang yang dijumpai di tempat itu dianggapkan sebagai membantu urusan sesuatu pusat maklumat pertaruhan. Butir-butir terperinci mengenai anggapan itu ada diperuntukkan dalam seksyen yang baru ini.

8. Pindaan-pindaan lain yang hendak dibuat adalah pindaan yang kecil dan cuma yang berupa berbangkit sahaja.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1531.]